

PORT DICKSON, 9 NOV. (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KUALITI KEPIMPINAN DI SETIAP PERINGKAT UMNO PERLU DIPERTINGKATKAN DEMI KEUTUHAN PARTI.

BELIAU BERKATA, KUALITI KEPIMPINAN BOLEH DITINGKATKAN NELALUI PENGALAMAN DAN PENDEDAHAN KEPADA KEGIATAN PARTI.

HANYA KEPIMPINAN YANG BERKUALITI, AKAN MENJAMIN KEDUDUKAN PARTI DAN PENTADBIRAN NEGARA, KATANYA KETIKA MERASMIKAN GERAK KERJA PERGERAKAN WANITA UMNO SELAMA DUA HARI DI KEM SEMANGAT, PASIR PANJANG DEKAT SINI HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, TANPA KEPIMPINAN YANG BERKUALITI SESEBUAH PARTI YANG MEMERINTAH TIDAK AKAN DITERIMA OLEH RAKYAT.

DI SAMPING ITU, KUALITI PARA ANGGOTA UMNO JUGA PERLU DIPERBAIKI AGAR MEREKA BOLEH BERFUNGSI DENGAN BAIK, DAN MENGHINDARI DARIPADA DIPENGARUHI DENGAN MUDAH OLEH CALON-CALON YANG MEREKUT SEBARANG JAWATAN, KATA BELIAU. -- LAGI.

FEMIMPIN 2 PORT DICKSON

BELIAU BERKATA, KEPIMPINAN YANG BERKUALITI BUKAN SAHAJA DAPAT MENYIBARKAN NILAI-NILAI YANG BAIK, TETAPI JUGA MENGAMALKANNYA.

BELIAU JUGA MENYIFATKAN PARTI-PARTI BARU YANG DITUBUHKAN BARU-BARU INI SEBAGAI TIDAK BAIK KERANA MEREKA MERUPAKAN GOLONGAN OPORTUNIS.

SEBELUM ITU, MENTERI BESAR DATUK MOHD. ISA HAJI ABDUL SAMAD BERKATA PARA ANGGOTA UMNO PERLU MENGERATKAN PERPADUAN DAN MENYELESAIKAN APA-APA MASALAH ANTARA MEREKA.

BELIAU YANG JUGA Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan Berkata, Ada Segelintir Pemimpin Bawahan dan Anggota Parti yang lebih cenderung mengekalkan kedudukan masing-masing daripada membantu menguatkan parti.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datin Paduka Rafidah Aziz pula menyeru pihak-pihak berkenaan mengeneipkan kepentingan peribadi dalam apa-apa persengketaan politik agar kekuatan barisan nasional dapat diperteguhkan.

Yang turut hadir ialah Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohamed Yaakub, Menteri Kewangan Encik Daim Zainuddin dan para anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO.

Seramai 520 orang anggota Pergerakan Wanita UMNO dari seluruh negara menghadiri gerak kerja itu. -- BERNAMA.